

***SUDAWIL : ANALISIS DARI
ASPEK MAKNA***

JULITA @ NORJIETTA BT TAISIN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

ABSTRAK

Sudawil adalah puisi lisan Kadazandusun yang semakin dilupakan. Untuk mengelak *sudawil* lenyap daripada ingatan pendukungnya, maka kajian ini dilakukan untuk meneliti makna *sudawil* daripada dimensi linguistik dan budaya masyarakat Kadazandusun yang ditonjolkan melalui aspek makna denotatif, konotatif dan fungsi kohesi. Dengan mengaplikasikan pendekatan Teori Analisis Komponen Makna oleh Katz (1972) elemen-elemen sinonim, metafora dan kohesi telah membuktikan bahawa *sudawil* mampu mengungkap makna yang luas. Pengumpulan data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan rujukan pustaka. Secara keseluruhan, kajian ini berhasil mengungkap tiga tafsiran makna. Pertama, wujudnya padanan makna perkataan-perkataan tertentu dalam ungkapan *sudawil*. Kedua, penggunaan unsur metafora mampu mewujudkan pelbagai makna untuk mengekalkan interaksi sosial berlandaskan adat dan budaya masyarakat penggunanya. Ketiga, unsur kohesi *no* mempengaruhi ungkapan wacana bermakna kerana ia memberi penegasan maklumat dengan berkesan. Kombinasi ketiga-tiga elemen tersebut telah membuktikan bahawa *sudawil* merupakan tradisi lisan yang menyimpan nilai dan norma kehidupan masyarakatnya dan *sudawil* seharusnya dipertahankan oleh generasi muda sebagai tradisi hidup yang masih bersesuaian pada zaman moden.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SUNDAWIL: ANALYSIS OF ASPECTS OF MEANING

Sudawil is a type of Kadazandusun oral poetry which is rapidly diminishing. To prevent sudawil from vanishing altogether off the memory of its user community, this study was done to examine the meanings of sudawil from linguistic and cultural dimension of the Kadazandusun community highlighted by the aspects of denotative meaning, connotative meaning and cohesive function. Utilizing the Theory of Meaning Component Analysis by Katz (1972), it was proven that sudawil encompasses a broad spectrum of meanings through synonym elements, methaphoric and cohesion applied. Data were collected using observations, interviews and library reference. As a whole, this study was able to reveal three interpretations of meaning. Firstly, the meaning of certain words match in sudawil phrase. Secondly, the use of metaphoric elements is capable of creating a variety of meanings to maintain social interaction based on the customs and culture of the user community. Thirdly, the element of cohesion "no" has a certain impact on meaningful expressions because it gives assertion to effective information. The combination of these three elements have proven that sudawil is a verbal tradition which contains the values and norms of the society and sudawil should be preserved by the young generation as a living tradition that is still relevant in modern times.

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Latar Penutur Bahasa Di Sabah	2
1.2.2 Latar Genre Lisan Kadazandusun	6
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Skop Kajian	12
1.5.1 Bahan Kajian : <i>Sudawil</i>	12
1.5.2 Takrif <i>Sudawil</i>	13
1.5.3 Struktur <i>Sudawil</i>	15
1.5.4 Fungsi <i>Sudawil</i>	17
1.5.5 Faktor Pemilihan <i>Sudawil</i>	20
1.6 Metodologi Penyelidikan	23
1.6.1 Kaedah Pemerhatian	23
1.6.2 Kaedah Temu bual	25
a. Tatacara Merekod Data	26
i. Rakaman Kaset	26
ii. Transkripsi	26
b. Responden	27

1.6.3	Kaedah Perpustakaan	32
1.6.4	Prosedur Kajian	33
1.6.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	37
1.6.6	Analisis Data	41
1.7	Lokasi Kajian	42
1.8	Kepentingan Kajian	46
1.9	Kesimpulan	48

BAB 2 : KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL

2.1	Pengenalan	49
2.2	Perspektif Teori	49
2.2.1	Teori Analisis Komponen Makna	53
2.2.2	Pengaplikasian Teori Analisis Komponen Makna Dalam Menganalisis Makna <i>Sudawil</i>	67
	a. Aspek Sinonim	69
	b. Unsur Metafora	69
	c. Fungsi Unsur Kohesi	70
2.3	Konsep Makna	72
2.3.1	Perkataan dan Makna	73
2.3.2	Penganalisan Makna di Peringkat Kata	75
2.3.3	Penganalisan Makna pada peringkat Frasa dan Ayat	80
2.4	Makna Budaya dalam <i>Sudawil</i>	82
2.5	Kesimpulan	86

BAB 3 : SOROTAN KAJIAN LEPAS

3.1	Pengenalan	87
3.2	Sorotan Genre lisan dari Nusantara	87
3.3	Sorotan Genre Lisan dari Sarawak	107
3.4	Sorotan Genre Lisan Di Sabah	116
3.5	Analisis Kritis	136
3.6	Rumusan Analisis Kritis	143
3.7	Kesimpulan	145

BAB 4 : ASPEK SINONIM DALAM *SUDAWIL*

4.1	Pengenalan	147
4.2	Konsep Makna leksikal	147
4.2.1	Fungsi Leksikal	150
4.2.2	Sinonim	150
4.3	Pengkategorian Sub Tema <i>Sudawil</i>	152
4.4	Sinonim Dalam <i>Sudawil</i>	153
4.4.1	Konteks Percintaan dan Kasih Sayang	155
	a. Perkenalan	155
	b. Kesetiaan Berkasih	164
	c. Berpisah dan Bercerai	171
	d. Kecewa (Berdukacita)	174
4.4.2	Konteks Pengajaran	184
	a. Nasihat	184
	b. Kepercayaan	192
	c. Adat dan Pantang Larang	195
	d. Didikan	205
4.4.3	Konteks Telatah	208
	a. Jenaka dan Sindiran	208
	b. Perenungan Tentang Nasib (Rendah Diri)	227
4.5	Kesimpulan	235

BAB 5 : ASPEK METAFORA DALAM *SUDAWIL*

5.1	Pengenalan	237
5.2	Konsep Metafora	237
5.3	Metafora Dalam <i>Sudawil</i>	243
5.3.1	Konteks Percintaan dan Kasih Sayang	246
5.3.2	Konteks Pengajaran	265
5.3.3	Konteks Telatah	293
5.4	Penggolongan Kata Berdasarkan <i>Sudawil</i>	315
5.5	Contoh <i>Sudawil</i> Berdasarkan Pengkategorian Sub Tema	319
5.6	Kesimpulan	327

BAB 6 : KOHESI DALAM *SUDAWIL*

6.1	Pengenalan	327
6.2	Konsep Kohesi	327
6.3	Kohesi Dalam <i>Sudawil</i>	339
6.3.1	<i>No</i> Sebagai Melembutkan Nada dan Penghalus Makna	339
6.3.2	<i>No</i> Sebagai Penegasan Maksud Untuk Memperkuat Makna atau Perkataan Yang Hendak Disampaikan	337
6.3.3	<i>No</i> Sebagai Penegasan Untuk Ayat Tanya dan Sebagai Petanda Pertanyaan	346
6.3.4	<i>No</i> Sebagai Penegasan Untuk Ayat Penyata dan Sebagai Menegaskan Sesuatu Kata dalam Ayat	356
6.3.5	<i>No</i> Sebagai Ayat Berita Memberi Penegasan (Sedikit Kasar Intonasinya) dan Sebagai Melembutkan Nada Pengucapan	377
6.3.6	<i>No</i> Sebagai Penegasan Mengikut Konteks Pertuturan	385
6.4	Kesimpulan	388

BAB 7 : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

390

RUJUKAN

399

LAMPIRAN

410

Halaman

Rajah 1.1:	Teknik Pengumpulan Data	33
Rajah 1.2:	Prosedur Pemungutan Data Kajian	36
Rajah 1.3:	Makna Sinonim Dalam <i>Sudawil</i>	38
Rajah 1.4:	Makna Unsur Metafora Dalam <i>Sudawil</i>	39
Rajah 1.5:	Fungsi Kohesi "no" Dalam <i>Sudawil</i>	40
Rajah 1.6:	Lokasi Kajian	46
Rajah 2.1:	Set Bulatan Perhubungan Haiwan	64
Rajah 2.2:	Rajah Pohon	65
Rajah 5.1:	Sub Tema <i>Sudawil</i>	325
Rajah 6.1:	Kategori Kohesi (adaptasi sumber Halliday & Hassan, 1976:6)	332
Rajah 6.2:	Jenis-Jenis Kohesi Rujukan	333
Rajah 6.3:	Rangkuman Fungsi Kohesi "no" Dalam <i>Sudawil</i>	388

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
LAMPIRAN 1:	Senarai Nama Responden	410
LAMPIRAN 2:	Teks Verbatim <i>Sudawil</i> dan terjemahan dalam Bahasa Melayu	413
LAMPIRAN 3:	Perkataan yang dihitamkan mempunyai padanan makna lain dalam bahasa Kadazandusun	419
LAMPIRAN 4:	Penggolongan Sub Tema <i>Sudawil</i>	430

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Secara umum, setiap suku kaum mempunyai genre lisan atau sastra lisan yang tersendiri. Kaum Kadazandusun di Sabah juga tidak terkecuali daripada memiliki genre lisan tersebut. Puisi lisan merupakan salah satu tradisi lisan kaum Kadazandusun di Sabah yang lazimnya dinyanyikan secara solo mahupun berpasangan sama ada mengandungi elemen tarian, muzik ataupun tidak. Sebahagian elemen yang menonjol dalam genre lisan kaum Kadazandusun adalah *sudawil* yang tergolong dalam kategori puisi lisan tradisional. Ia merupakan warisan dan kebanggaan sejak turun temurun dalam masyarakat Kadazandusun kerana di dalamnya terkandung pelbagai mesej yang menjadi teras identiti mereka. Oleh kerana kehidupan masyarakat lama Kadazandusun amat peka kepada alam semula jadi sebagai sumber ekonomi, maka banyakkah *sudawil* yang dicipta berkait rapat dengan kehidupan persekitaran mereka yang lebih berunsurkan nasihat, teguran dan sindiran kepada anak-anak mereka khasnya generasi muda pada suatu ketika dahulu.

Justeru, ungkapan kata dalam *sudawil* yang halus, ringkas, padat dan bernas sering membalut pengertian yang tersirat dan memerlukan penelitian dengan suatu pentafsiran bermakna. Oleh yang demikian, kajian ini berusaha meneliti aspek makna *sudawil* masyarakat Kadazandusun yang menjadi data kajian kerana melaluinya akan dapat membongkar atau menggali keindahan dan keunikan bahasa Kadazandusun.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sabah yang dikenali dengan nama Negeri Di Bawah Bayu adalah sebuah negeri yang unik dan terkenal dengan kepelbagaian budaya dan suku kaumnya. Keunikan ini terserlah dengan penduduk Sabah yang terdiri daripada lebih kurang 41

kumpulan dan subkumpulan etnik yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa dan menurutkannya dalam tidak kurang daripada 80 dialek. Setiap kumpulan etnik dan subkumpulan etnik ini juga mempunyai amalan budaya, kepercayaan, adat resam, agama, kawasan petempatan dan warisan seni yang berbeza (King, 1993: 5-6).

Owen Rutter (1929) dalam Mat Zin Mat Kib (2002: 1) & (2005: 2), menjelaskan bahawa pengkategorian etnik utama di Sabah tertumpu kepada kaum Dusun, Murut, Bajau, Iranun, Suluk, Bisaya dan Melayu Brunei. Setiap kumpulan etnik ini mempunyai adat resam, kebudayaan dan amalan kepercayaan yang berbeza-beza. Mereka terdiri daripada penduduk peribumi bukan Islam dan peribumi Islam. Kumpulan etnik Dusun, Murut dan Rungus kebanyakannya bukan beragama Islam. Setiap kumpulan etnik, khususnya Dusun dan Murut mempunyai subkumpulan etnik masing-masing. Manakala, kumpulan etnik Idahan, Bajau, Iranun, Sulu, Bisaya, Melayu-Brunei, Orang Sungai dan Tidong pada keseluruhannya beragama Islam.

1.2.1 Latar Penutur Bahasa Di Sabah

Kebanyakan penulis Barat mengakui bahawa penduduk peribumi Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan dan subkumpulan etnik yang berbeza-beza. Ini jelas melalui perbezaan dialek, adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat pendukungnya. Hal ini dapat dilihat terutamanya pada genre lisan, pakaian tradisi, tarian, muzik, kraftangan, kerana setiap satunya mencerminkan sesuatu suku kaum dengan jelas.

Menurut Bruce (1999: 56) terdapat tiga kumpulan etnik terbesar di Sabah, iaitu Kadazandusun (Dusun), Bajau dan Murut. Manakala Leigh (1966) dalam Mat Zin Mat Kib (2011: 15) turut menyenaraikan nama kaum peribumi Sabah kepada kumpulan etnik seperti Dusun, Murut, Kuijau, Bajau dan Iranun. Subkumpulan etnik yang lain terdiri daripada Melayu Brunei, Kedayan, Orang Sungai, Bisaya, Sulu, Tidong dan kumpulan kacukan "sino" yang merupakan keturunan hasil perkahwinan Cina dan penduduk peribumi.

Sementara itu, bahasa Kadazandusun merupakan salah satu bahasa peribumi yang dituturkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Suku kaum Kadazandusun merupakan penduduk majoriti di Sabah. Kebanyakan mereka bertumpu khususnya di daerah Ranau, Tambunan, Penampang, Papar dan Tuaran (Abdul Hamid Ahmad, 1993: 1). Perlembagaan KDCA (2001), menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 40 etnik yang terdapat dalam suku kaum Kadazandusun. Dari aspek bahasa, perbezaan loghat, sebutan dan ejaan banyak dipengaruhi mengikut etnik tertentu. Oleh itu, sebutan dan ejaan suku kaum Kadazandusun dari satu daerah dengan daerah lain di negeri Sabah adalah berlainan, tetapi masih membawa erti dan makna yang sama. Menurut Jacqueline Pugh-Kitingan (1987), masyarakat Kadazandusun mempunyai asas kesamaan dengan suku kaum di Sabah, iaitu dari aspek sistem sosial daripada aspek sejarah lisan, keturunan, kepercayaan, pertanian, bahan-bahan kebudayaan, agama dan amalan adat istiadat adat resam.

Manakala kaum Bajau merupakan kaum bumiputera kedua terbesar di negeri Sabah. Kaum Bajau kebanyakannya beragama Islam dan berasal dari dua kumpulan etnik yang tidak jauh bezanya iaitu Bajau di pantai Timur dan juga Bajau di pantai Barat. Mereka ini merupakan antara pelaut terkenal pada zaman dahulu sebelum kedatangan penjajah di Sabah. Kebanyakan masyarakat Bajau mendiami kawasan Semporna, Lahad Datu, Sandakan, Tawau di kawasan Pantai Timur Negeri manakala Kota Belud, Tuaran dan Putatan di kawasan Pantai Barat. Kaum Bajau bekerjasama dengan kaum Kadazandusun dari segi aktiviti ekonomi, perdagangan, perhubungan sosial serta kebudayaan. Orang Bajau dikatakan telah menggunakan sistem Barter dalam aktiviti ekonomi mereka, iaitu menukar ganti hasil tangkapan ikan mereka dengan beras orang Kadazan. Bukan itu sahaja, pengaruh kebudayaan daripada kedua-dua kaum ini juga dapat dilihat dari segi kesenian material, muzik dan juga rekabentuk bangunan (*Ensaiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999: 391).

Sementara kaum Brunei pula merupakan penduduk minoriti di Sabah. Tumpuan petempatan mereka ialah di sepanjang Pantai Barat Sabah bermula dari Sipitang, Weston, Menumbok, Labuan, Kuala Penyu, Kota Klias, Membakut,

Bongawan, Kimanis, Benoni dan Papar. Dari sudut geografinya, kawasan-kawasan petempatan ini terletak berhampiran dengan negara Brunei dan menjadi tempat bagi kumpulan etnik Melayu-Brunei menjalankan kegiatan urus niaga, menangkap ikan dan aktiviti kehidupan mereka yang lain (Mat Zin Mat Zin Mat Kib, 2002: 20).

Kaum Bisaya juga merupakan suku kaum di Kepulauan Borneo, mereka terdapat dalam kelompok kecil di sekitar Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu. Kaum Bisaya dikatakan di antara yang pertama menerima Islam pada awal kurun ke-13. Kedatangan Islam dalam kaum Bisaya adalah melalui hubungan dagang dengan pedagang dari tanah Arab. Jika dilihat daripada segi kehidupan sosial, sedikit sebanyak pengaruh Arab memainkan peranan dalam urusan mereka sehari-harian. Kemahiran suku kaum ini adalah dalam bidang pertanian dan seni kraftangan yang sebahagian besar peralatan kraftangan tersebut digunakan dalam kehidupan seharian mereka (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jil. 1, 1998: 682-684).

Sementara itu, menurut Capell (1968) dalam Dayu (2008: 60), orang Dusun, orang Kadazan, orang Dusun-Kadazan, masyarakat peribumi rumpun Dusun dan masyarakat peribumi rumpun Kadazandusun merujuk kepada kaum yang sama, iaitu Kadazan dan Dusun atau Kadazandusun dan subetniknya. orang Kadazandusun sukar dibezakan jika dialek atau bahasa dijadikan asas untuk mengesan perbezaan. Tambahan pula, perbezaan dialek yang terdapat dalam ketiga-tiga keluarga bahasa ini (keluarga bahasa Paitan, keluarga bahasa Murut dan keluarga bahasa Dusun) tidak menghalang mereka daripada memahami antara satu sama lain. Misalnya, orang Kadazandusun di Penampang dapat berkomunikasi dengan baik dengan orang kadazandusun di Ranau, Tambunan dan Beluran. Keadaan ini berlaku kerana pada umumnya dialek Kimaragang, Rungus, Bongi, Bisaya dan Tanggara mempunyai persamaan dari segi sebutan angka, bilangan dan juga nama anggota badan. Bagaimanapun, disebabkan wujudnya perbezaan antara bahasa dari segi makna perkataan dan cara berbahasa maka mereka tidak dapat berkomunikasi dengan lancar (Dayu, 2008: 68-70).

Capell (1968: 131) & Carey (1966: 3) dalam Dayu (2008: 60) menjelaskan pelbagai cara pengkaji-pengkaji lepas membahagikan orang Kadazandusun berdasarkan penempatan mereka. Misalnya, dua kumpulan utama Kadazandusun, iaitu orang Kadazandusun Pantai Barat dan orang Kadazandusun Pantai Timur. Sementara Lampes (1968: 5-6) membahagikan orang Kadazandusun berdasarkan nama tempat. Misalnya, orang Kadazandusun Ranau, Tambunan, Penampang, Papar, Menggatal, Telipok dan Tuaran. Manakala Owen Rutter (1922), membahagikan Kadazandusun mengikut lokasi penempatan, iaitu orang Kadazandusun lebih sinonim dengan kawasan tanah rendah dan kawasan tanah tinggi (dalam Dayu, 2008: 60).

Namun perbincangan ini hanya menjurus kepada kaum Kadazandusun dalam etnik Liwan di daerah Ranau. Menurut Rayner F.Udong (2000: 15) Liwan adalah salah satu etnik berasal dari Nunuk Ragang. Etnik Liwan merupakan kumpulan etnik yang terakhir sekali berhijrah dari Nunuk Ragang ke tempat-tempat lain di seluruh Sabah. Majoriti etnik Liwan mendiami di kawasan pedalaman Negeri Sabah, yakni di daerah Ranau, Kundasang, Tambunan dan Keningau. Etnik Liwan senang dikenali melalui dialek dan sebutan. Liwan lazimnya sering menggunakan huruf 'r' dan huruf 'h' dalam pertuturan dan penulisan. Misalnya 'r' dalam leksikal *poring (poing)*, *romou (lomou)*, *kirop (kiop)*, *ponirikohon (poniikoonon)*, *soriukon (soizukon)* dan sebagainya.

Sementara itu, dialek Bunduliwan adalah dialek yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun berdasarkan kepada asas piawai dan pembakuan bahasa Kadazandusun dan diperkaya dengan dialek-dialek lain dalam rumpun bangsa Kadazandusun. Bunduliwan diambil daripada perkataan Bundu dan Liwan, digabung menjadi Bunduliwan. Bundu dan liwan adalah antara 40 etnik dalam rumpun Bangsa Kadazandusun di Sabah (Perlembangaan KDCA). Etnik Bundu dan Liwan menurut dialek yang hampir sama, senang disebut dan senang difahami (Rayner F.Udong, 2009: 64).

1.2.2 Latar Genre Lisan Kadazandusun

Genre lisan di Sabah merupakan hasil sastera rakyat tradisional yang tertua di negeri ini. Ia berkembang melalui tradisi lisan kerana masyarakat pada ketika itu belum lagi mempunyai sistem tulisan. Dalam pengertian ini, ia dicipta dalam masyarakat tanpa diketahui penciptanya dan telah diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Tidak dapat dinafikan terdapat ramai generasi tua daripada pelbagai suku kaum di Sabah yang masih menuturkan genre lisan sama ada berbentuk cerita seperti mitos, dan cerita rakyat mahupun genre lisan bukan bercorak cerita seperti puisi tradisional (pantun, syair, gurindam dan mantera), peribahasa, kias ibarat, teka-teki dan sebagainya.

Genre lisan yang dituturkan oleh nenek moyang dalam masyarakat etnik di Sabah seperti cerita rakyat terangkum di dalamnya beberapa jenis cerita seperti cerita jenaka, cerita binatang, cerita lipur lara dan cerita teladan. Mana kala cerita mitos atau legenda pula telah menjadi sebahagian daripada nilai kepercayaan dalam pelbagai suku kaum di Sabah sama ada untuk menggambarkan kewujudan sesuatu tempat mahupun menggambarkan kehebatan keturunan mereka. Walaupun pada dasarnya kisah mitos ini tidak mempunyai bukti kesahihannya namun ia tetap menjadi satu cerita warisan yang disebarkan kepada generasi seterusnya secara lisan. Misalnya, cerita manusia mampu bertukar menjadi buaya, batu belah batu bertangkup dan sebagainya.

Sementara itu, genre puisi lisan berstruktur pantun yang dominan dalam kalangan pelbagai etnik di Sabah juga tidak terkecuali daripada penyebarannya. Maka wujudlah pelbagai istilah yang digunakan bagi merujuk kepada genre lisan berstruktur pantun di Nusantara. Di Sabah setiap suku kaum mengenali genre lisan berstruktur pantun dengan istilah atau panggilan menurut suku kaum masing-masing. Menurut Lokman Abdul Samad (2002: 8), bagi masyarakat Bisaya di Beaufort dan Kuala Penyu, pantun dikenali dengan *badaop* atau *badaup*. Manakala masyarakat Bajau di Kota Belud menyanyikan pantun dengan iringan muzik dan mengidentifikasikan pantun sebagai *kalang* dan *isun-isun* (Ismail Abas, 1989: 56). Sementara itu, menurut beberapa sumber masyarakat Melayu-Brunei di Papar, Membakut dan Bongawan pantun yang diungkapkan secara berbalas-balas dengan

istilah *dondang* atau *badundang*. Manakala dalam masyarakat Kadazandusun, genre puisi lisan berstruktur pantun dikenali sebagai *sudawil* dan jika ia diungkapkan secara berbalas-balas ia dinamakan *tala-ala'* tetapi masih dalam elemen puisi lisan berstruktur pantun iaitu *sudawil*.

Manakala kaum Kadazandusun yang tinggal di pantai barat seperti Penampang, Papar, Tuaran, Kiulu, Tamparuli, Tenghilan, Kota Belud dan juga di lembah bukit di Ranau, Tambunan, dan Keningau adalah sebahagian daripada penutur genre lisan *sudawil*. *Sudawil* tidak ditulis dan tumbuh subur di segenap lapisan masyarakat lama sebelum mereka mengenal baca-tulis (buta huruf). Ia terhasil secara spontan oleh golongan yang berusia lanjut dan pada kebiasaannya tinggal di kampung-kampung yang jauh di pedalaman. Demikianlah seterusnya, sehingga segala unsur tradisi, sejak proses daripada menerima, mengingat, mengolah, menyampaikan dan menyebarkan daripada mulut ke mulut, semuanya dilakukan secara lisan kepada generasi berikutnya. Kadang kala sedikit sebanyak perubahan berlaku daripada bentuk asal terjadi kerana proses penurunan berlaku daripada mulut ke mulut. Yakni, ia dipelajari melalui penyertaan dalam masyarakat yang mengamalkannya dan diwariskan kepada generasi seterusnya melalui pembelajaran tidak fomal juga secara lisan. Dalam kehidupan seharian, ia lazim disampaikan oleh seorang ibu kepada anaknya, seorang penyampai kepada para pendengarnya, ataupun sesama anggota dalam masyarakat mereka.

Walaupun begitu banyak genre lisan bukan bercorak cerita, pengkaji tertarik dengan puisi tradisional iaitu *sudawil* masyarakat Kadazandusun atas faktor tertentu (rujuk 1.5.5). Tinjauan awal yang dilakukan di sekitar daerah Ranau mendapati bahawa kebanyakan warga tua Kadazandusun masih mengingat *sudawil* yang pernah dituturkan oleh nenek moyang pada zaman silam. Ia merupakan medium komunikasi kepada masyarakat Kadazandusun pada suatu ketika dahulu yang akan digunakan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat pendukungnya, dan ia lahir daripada daya kreatif berdasarkan pemikiran dan pengalaman orang tua-tua dengan keindahan serta kehalusan bahasa yang tersembunyi.

Menurut Sopikit Kobindong (92 tahun), pada umumnya *sudawil* merupakan bentuk puisi yang mendapat kedudukan yang istimewa dalam kalangan masyarakat lama Kadazandusun. Ia bukan sahaja digunakan dalam pergaulan anak-anak muda, tetapi digunakan juga dalam setiap peristiwa. Misalnya, dalam mencari jodoh anak lelaki yang pada awalnya berkenal-kenalan dengan pihak perempuan, maka *sudawil* sering diselitkan sebagai luahan hati, sindiran, kiasan kepada pihak keluarga perempuan agar 'hasrat' keluarga lelaki diterima seadanya. Adakalanya mereka sahut-menyahut menggunakan *sudawil* walaupun dalam keadaan tidak formal. Misalnya sewaktu keluarga si lelaki melalui kawasan rumah keluarga pihak perempuan maka secara sengaja *sudawil* tersebut diungkapkan dengan harapan pihak keluarga perempuan mendengarnya dan memahami hasrat anak lelaki mereka. Begitu juga ketika mereka sama-sama bekerja di ladang padi, pihak keluarga lelaki akan bersudawil sebagai kiasan untuk meluahkan hajat mereka bagi menjodohkan anak lelakinya. Seperti *sudawil* berikut:

Pihak lelaki :

Roun tawawo mapoi-kapoi
Pinsuni ilo kudoma'an
Batos ku kada no olingai
Pitumo'o kito no pikagasan

Daun *tawawo* melambai-lambai
Tumbuhnya ditebasan
Janjiku janganlah dilupa
Kita temukanlah dalam ikatan.

Sumber: Sopikit Kobindong, 92 tahun, Kg. Lingkudou Ranau, tarikh rakaman: 10 Jun 2011.

Pihak perempuan :

Lopi-lopi poh bundusan
Lopi do poginipian
Osonong no poh nipi
Yato ii miundusan

Gulung-gulung daun nipah
Gulung dalam mimpi
Kalau mimpilah baik
Kita tetap sepadan (dijodonkan)

Sumber: Sopikit Kobindong, 92 tahun, Kg. Lingkudou Ranau, tarikh rakaman: 10 Jun 2011

Dengan pemilihan kata-kata yang menarik, *sudawil* mudah melekat dalam ingatan dan merupakan khazanah warisan masyarakat Kadazandusun sejak zaman berzaman. Pengkaji yakin bahawa sebahagian besar daripada *sudawil* yang telah dicipta oleh nenek moyang pada masa lampau masih diwarisi sehingga kini oleh orang tua-tua yang berusia lanjut. Justeru, sebagai khazanah berharga (Appel,

1968) maka dalam penelitian ini, ia perlu dipelihara seterusnya dikembangkan agar dapat melalui proses penyesuaian semasa merentas zaman khasnya dari segi penelitian makna.

1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Appell (1968), seorang pengkaji dari Amerika menyatakan bahawa terdapat tradisi lisan yang telah terbangun ke tahap yang tinggi dan luar biasa keindahannya di Sabah yang didapati dalam kalangan semua suku kaum asli. Sementara kewujudannya diiktraf oleh banyak pihak, kepentingannya sering tidak diberi perhatian dan tidak didokumentasikan dengan baik. Sebahagian daripadanya adalah berasaskan doa dan dikir yang digunakan dalam kitaran pertanian, percintaan, penyembuhan penyakit dan dalam melindungi dan membaharui kesuburan wilayah kampung. Ia adalah sepenuhnya sama indah dan sofistikated, dari segi imejan puisi, seperti Saga-Saga Norse Lama, epik-epik Homer, dan sastera dari India. Dengan demikian, dari segi nilai-nilai estetika ia setaraf dengan mana-mana sastera agung dunia.

Selaras dengan kenyataan tersebut, pengkaji turut mengakui bahawa *sudawil* merupakan salah satu daripada khazanah tradisi lisan masyarakat Kadazandusun yang diwarisi sejak turun temurun secara lisan namun, kini *sudawil* semakin dilupakan dan jika tidak ada sebarang langkah diambil untuk memartabatkannya kemungkinan besar ia akan hilang ditelan zaman. Tambahan pula, kebanyakan generasi muda pada masa kini tidak berminat terhadap tradisi lisan kerana mereka lebih tertarik kepada bentuk hiburan baharu yang terdapat di pasaran. Demikian juga dengan aktiviti *bersudawil* dalam menyampaikan pengajaran dengan penggunaan bahasa kiasan tradisional adalah jarang-jarang sekali kedengaran pada masa kini.

Kenyataan tersebut turut disokong oleh Abdul Jamal Abdul Hamid (2006: 177) yang turut menyatakan bahawa generasi muda di zaman ini lebih suka kepada irama muzik dan nyanyian-nyanyian kontemporari. Keadaan seperti ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kepupusan lagu-lagu rakyat tradisional. Selaras itu kajian Janathan Kandok (2011: 8) adalah bertepatan bahawa khazanah genre lisan

akan lenyap bersama pemergian generasi lama pada suatu hari kelak kerana generasi muda pada masa kini didapati tidak begitu berminat dengan genre sastra rakyat lagi. Mereka lebih terpengaruh dengan lagu-lagu moden.

Justeru sebagai tradisi lisan, kewujudan *sudawil* harus dilihat dalam pelbagai konteks yang lebih luas dan kaitannya dalam kehidupan semasa sesebuah masyarakat. Genre lisan seperti ini mempunyai estetika dan kekuatannya tersendiri. Ini jelas menerusi *sudawil* yang dicipta dengan membawa pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan sebagainya. Maka unsur metafora yang terkandung dalam *sudawil* mengandungi kata konkrit dan kata abstrak sebagai kata perbandingan yang perlu diketahui maknanya agar mesej yang disampaikan memberi kesan kepada pendengar mahupun audiens. Oleh itu, bidang semantik yang dianggap sebagai pengkajian makna sedikit sebanyak dapat merungkaikan keadaan ini sebagai dasar pentafsiran makna.

Ini selaras dengan pendapat Saidatul Nornis Hj.Mahali (2007: 89-106), bahawa pantun Sabah yang memperlihatkan kreativiti melalui kata-kata puitis, kata berlambang dan berkias memerlukan pentafsiran makna agar komunikasi lebih berkesan. Yakni, penggunaan leksikal bahasa ibunda seperti *pugai*, *tekidum*, *mengunjar* dan sebagainya yang sering dikaitkan dengan alam memerlukan pentafsiran makna khasnya kepada generasi muda. Ini juga turut disokong oleh Rosline Sandai (2010) yang membicarakan pantun *sanggai* dari Sarawak bahawa ungkapan metafora yang terdiri daripada perkataan atau frasa juga memerlukan pentafsiran makna. Kajian Mohd. Rasdi Saamah (2011) berkaitan dengan 'Bahasa Kiasan Bahasa Semai' juga bertepatan dengan pernyataan ini bahawa penting untuk memberi pemahaman kepada masyarakat tentang seni berbahasa dalam bahasa serumpun untuk merapatkan jurang sosial dalam kalangan masyarakat dan sebagai landasan untuk kajian-kajian lanjut berkaitan bahasa kiasan sukuan yang terdapat di negara ini yang mempunyai makna tersirat.

Tidak dapat dinafikan bahawa *sudawil* hanya tersebar dalam kalangan penutur yang sudah berusia lanjut menyebabkan punca permasalahan penguasaan dan pemahaman bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda kerana banyak

perkataan tertentu yang mempunyai makna tersirat tetapi kurang diketahui oleh generasi masa kini. Yakni, terdapat beberapa kosa kata bahasa ibunda yang terungkap dalam *sudawil* tetapi jarang digunakan dalam pertuturan seharian yang pada dasarnya mempunyai padanan makna. Justeru, kehadirannya perlu dijelaskan agar perkataan-perkataan tersebut tidak akan luput daripada penggunaan dan ingatan.

Kenyataan Fauzilahyaton Mustafa & Cliff A. Kamijan (2011) dalam artikelnya 'Dialek dan Bahasa Sukuan' adalah bertepatan bahawa sekiranya sesuatu bahasa tidak mengembangkan kosa kata khususnya, sama ada dengan membentuk perkataan baharu atau meminjamnya sudah tentu bahasa tersebut akan mengakhiri hayatnya atau mati tidak lama kemudiannya.

Selain itu, kegagalan generasi muda untuk memahami gaya bahasa seperti bahasa kiasan atau perbandingan yang terdapat dalam *sudawil* menyebabkan komunikasi kurang lancar mahupun tidak berkesan kerana mesej tidak sampai kepada sasaran. Demikian juga dengan unsur kohesi, khususnya penggunaan bentuk bahasa tertentu dalam *sudawil* yang pada dasarnya mempunyai fungsi dan makna yang tersendiri. Kesukaran audiens atau pendengar untuk memahaminya menyebabkan ungkapan tidak bermakna kerana tidak mampu membezakan fungsi-fungsi dan makna bentuk bahasa tersebut .

Justeru, secara keseluruhannya *sudawil* memerlukan penelitian dari aspek makna kerana terdapat beberapa ungkapan bahasa ibunda yang tidak selaras dengan bahasa seharian yang digunakan oleh generasi muda masyarakat Kadazandusun pada masa kini. Situasi ini menggambarkan bahawa terdapat suatu ketidakselarasan masyarakat Kadazandusun dalam usaha memelihara bahasa ibunda sebagai identiti bangsa, budaya dan tradisi. Justeru, dalam kajian ini, berusaha memberi penelitian dari aspek makna *sudawil* tradisional kerana melaluinya akan dapat membongkar atau menggali keindahan dan keunikan bahasa Kadazandusun.

1.4 Objektif Kajian

Tiga objektif yang akan diteliti dalam kajian ini, iaitu:

1. Mengenal pasti makna leksikal, iaitu aspek sinonim dalam *sudawil*.
2. Mengenal pasti penggunaan unsur metafora dalam *sudawil*.
3. Mengenal pasti fungsi kohesi dalam *sudawil*.

1.5 Skop Kajian

Ruang lingkup kajian ini adalah terbatas kepada penelitian aspek makna dalam *sudawil*. Kriteria pembatasan yang dimaksudkan dapat disenaraikan seperti berikut:

1. Aspek makna leksikal yang dikaji berdasarkan makna leksikal yang mempunyai maksud sama dengan perkataan asal. Komponen makna diaplikasi dalam meneliti makna leksikal yang bersinonim sahaja seperti makna dalam kamus.
2. Makna unsur metafora yang dikenal pasti berdasarkan kepada makna perkataan yang tersirat dan tersurat (mengikut konteks tertentu).
3. Fungsi struktur bahasa dalam penggunaan *no* yang dikenal pasti dalam *sudawil*. Yakni, *no* bertindak sebagai kohesi yang berfungsi dalam penegas maksud sesuatu pernyataan, sebagai melembutkan nada pengucapan sesuatu pernyataan dan sebagai pertanyaan dan sebagainya.

1.5.1 Bahan Kajian : *Sudawil*

Kajian ini hanya meneliti *sudawil* masyarakat Kadazandusun dan dibataskan kepada 50 rangkap *sudawil* lisan hasil rakaman audio di lapangan. Bentuk *sudawil* yang dikaji terhad kepada *sudawil* empat kerat atau empat baris serangkap. Ini disebabkan hasil rakaman data daripada responden hanya menjurus kepada *sudawil* empat kerat sahaja. Kesahihan data berdasarkan kepada adanya pendengar yang turut serta dalam proses rakaman. Manakala 50 rangkap *sudawil* adalah bersesuaian dengan proses penganalisan data berdasarkan isi rakaman kerana responden menjelaskan bahawa mereka hanya memberikan *sudawil* 'perkenalan antara lelaki dan perempuan'.

Menurut Sopikit Kobindong (92 tahun) & Sominah Sobindok (80 tahun), *sudawil* sedemikian amat terkenal dilagukan pada suatu ketika dahulu sekiranya

ada anak mereka sama ada jejak atau gadis yang akan dijodohkan oleh orang tua mereka. *Sudawil* akan dilagukan sama ada untuk meluahkan perasaan suka, benci dan menyindir. Yakni, terselit unsur pengajaran seperti nasihat, kasih sayang dan percintaan, hiburan, sindiran dan sebagainya. Justeru, 50 rangkap data *sudawil* amat bertepatan kerana ia dominan dengan objektif kajian iaitu sinonim, metafora dan kohesi yang akan diberi penelitian makna daripada dimensi linguistik dan budaya.

Menurut responden Sopikit Kobindong (92 tahun), *sudawil* yang dicipta oleh nenek moyang zaman silam memperlihatkan kehalusan berbahasa demi menjaga kesopanan berbicara agar tidak menyakitkan hati seseorang, mengelak terjadinya pertelingkahan, tidak mahu menjatuhkan air muka seseorang dan sebagainya. Mesej-mesej yang disampaikan dalam *sudawil* menjadi pedoman dan garis panduan kepada masyarakat Kadazandusun agar sentiasa menjadi seorang insan yang baik dan berguna kepada masyarakat. Misalnya *sudawil* unsur nasihat:

<i>Sumilau nopo oh tadau</i>	Matahari akan terbit
<i>Oulinahan id kopuruan</i>	Menerangi celah hutan
<i>Kanou no soroho tokou</i>	Mari bersama kita beringat
<i>Popogirod diti pisompuruan</i>	Bersatu mengukuhkan persaudaraan.

Sumber: Sopikit Kobindong, 92 tahun, Kg. Lingtudou Ranau, tarikh rakaman: 10 Jun 2011

1.5.2 Takrif *Sudawil*

Menurut Sopikit Kobindong (92 tahun) yang merupakan salah seorang responden dalam kajian ini, *sudawil* bermaksud memberitahu atau menyampaikan sesuatu mesej dalam keadaan menyanyi-nyanyi atau berlagu seperti berpantun. Pada mulanya *sudawil* dilagukan sekadar untuk suka-suka sahaja tetapi penuh dengan nasihat yang berisi. Ia telah wujud sebelum masyarakat Kadazandusun tahu menulis dan membaca. *Sudawil* turut berperanan sebagai media untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau mengenai sesuatu perkara.

Selain itu, beberapa sumber lisan mengatakan bahawa masyarakat tradisional Kadazandusun hanya bergantung kepada kicauan burung atau bunyi ayam berkokok untuk menandakan waktu bangun pagi, maka dipercayai bahawa kicauan burung khasnya pada waktu pagi diumpamakan oleh masyarakat kadazandusun sejak zaman nenek moyang seperti menyanyi atau melagukan sesuatu untuk menyampaikan mesej kepada seseorang (pendengar). Bunyi burung tersebut seolah-olah memberi sindiran kepada orang yang lambat bangun supaya segera bangkit dari tidur untuk pergi bekerja. Yakni, memberi tahu (*sunudai*) sesuatu pesanan berunsur nasihat kepada seseorang dengan penuh kesopanan melalui keindahan kata-kata dalam *sudawil* yang dilagu atau dinyanyikan. Gabungan kicauan atau bunyi burung-burung tersebut mewujudkan satu irama yang indah dan halus didengar serta tidak berhenti, malah kedengaran seperti bersahut-sahutan kicauan burung-burung tersebut, maka wujudlah perkataan *sudawil*.

Menurut responden Sominah Sobindok (80 tahun) beberapa sumber daripada nenek moyang terdahulu, ada yang mengatakan bahawa sejenis burung yang dikenali *Serangkil* akan bersiul-siul atau berkicau setelah masyarakat Kadazandusun pulang dari bekerja di waktu petang. Bunyi siulan burung tersebut, seolah-olah ingin memberitahu sesuatu atau menjelaskan kegembiraan kepada masyarakat tersebut setelah penat bekerja seharian. Berdasarkan kenyataan tersebut telah tidak dapat ditolak kemungkinan bahawa kewujudan perkataan *Sudawil* adalah gabungan daripada perkataan *Sunudai* yang bermaksud 'memberitahu' dan bunyi siulan atau kicauan daripada sejenis burung yang dikenali *Serangkil* dalam masyarakat Kadazandusun. Justeru, pengkaji telah membuat pendekatan bahawa rentetan daripada kombinasi perkataan tersebut perkataan "*sudawil*" adalah gabungan daripada perkataan asal *sunudai* dan *serangkil* telah disingkatkan sebutannya menjadi *sudail*, iaitu *sunudai* dan *serangkil* tetapi dalam dialek Liwan *sudail* akan menjadi *sudawil*, maka lahirlah leksikal *sudawil* hasil kombinasi daripada penggunaan alam fauna dan ungkapan *sunudai* yang digunakan dalam pertuturan seharian.

Sudawil disampaikan secara lisan dalam situasi yang ringkas, kemas, tepat dan menggunakan ungkapan kata yang indah-indah belaka. Pada waktu itu masyarakat kadazandusun belum lagi bertamadun dan kebanyakannya tidak menganut sebarang agama serta masih mengamalkan kepercayaan animisme. Namun pada era tersebut mereka kreatif mencipta dan berbalas-balas *sudawil* antara satu sama lain disulami dengan ungkapan dan bait-bait yang menarik dengan penggunaan perkataan-perkataan tertentu.

Sebagai tradisi genre lisan, *sudawil* tidak ditulis pada masa dahulu. Ia terhasil secara spontan oleh golongan masyarakat khasnya orang yang sudah lanjut usia yang biasanya tinggal di desa atau kampung yang jauh di Pedalaman. Amalannya hanya secara hafalan atau idea spontan semasa dilagukan. Ia dipelajari melalui penyertaan dalam masyarakat yang mengamalkannya dan diwariskan kepada generasi seterusnya melalui pembelajaran tidak formal. Pembelajaran tidak formal itu juga adalah secara lisan, selain menggambarkan jiwa dan peribadi masyarakat Kadazandusun dari sudut keindahan bahasanya.

1.5.3 Struktur *Sudawil*

Secara umum, *sudawil* mempunyai ciri-ciri khas yang tersendiri. Ciri yang terdapat pada *sudawil* itu sendiri membezakannya dengan puisi tradisional atau genre-genre yang lain seperti baris, bentuk, kuplet dan rima. Sebagai contoh:

<i>Roun tawawo mapoi-kapoi</i>	}	Kuplet pembayang (<i>mondinduai /monginsomok</i>)
<i>Poinsuni ilo kudoma'an</i>		

<i>Batos ku kada no olingai</i>	}	Kuplet maksud (<i>mongigit komoyon /toonsi</i>)
<i>Pitumoo' kito no pikagasan</i>		

Versi bahasa Melayu:

Daun tawawo melambai-lambai	}	Kuplet pembayang
Tumbuhnya ditebasan		